



KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

**"PENGUATKUASAAN TERHADAP E-HAILING OPERATOR (EHO), APLIKASI
INDRIVER"**

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia melalui Bahagian Penguatkuasa, telah melaksanakan **Ops e-Hailing** yang memfokuskan kepada pengoperasian Syarikat Pengendali Perniagaan Pengantaraan (EHO) yang tidak memiliki permit dan lesen perniagaan pengantara yang telah tamat tempoh. Hasil risikan dan operasi yang telah dijalankan, sebuah syarikat yang mengendalikan aplikasi *InDriver* di Bukit Bintang Kuala Lumpur, telah diserbu oleh Pasukan Penguatkuasa JPJ, pada 7 September 2022, lalu, berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat Malaysia (APAD).

Hasil operasi tersebut, adalah didapati bahawa, Syarikat *In Driver* ini telah beroperasi dengan lesen perniagaan pengantara yang telah tamat tempoh. Pihak JPJ telah bertindak menyita beberapa peralatan komputer dan barang pengiklanan operasi syarikat untuk siasatan lanjut seperti yang diperuntukkan di bawah **Seksyen 222, Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010**.

Tindakan penguatkuasaan JPJ ini juga adalah selaras dengan **Seksyen 12A APAD 2010**, iaitu Syarikat disyaki mengendalikan atau mengadakan perniagaan pengantaraan tanpa lesen pengantara yang sah dan boleh disabitkan hukuman di bawah **Seksyen 12A (1)(8)**, yang memperuntukkan

denda sebanyak tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali, jikalau didapati bersalah.

Sayugia dimaklumkan, pihak JPJ akan terus memantau perkhidmatan EHO yang dilaksanakan secara berterusan bagi mengesan mana-mana Syarikat yang mengendalikan perniagaan pengangkutan tanpa lesen dan kenderaan-kenderaan perkhidmatan *e-Hailing* yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang di bawah **Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)**, **Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334)** dan **APAD 2010 (Akta 715)**.

Pihak JPJ ingin menasihatkan kepada mana-mana Syarikat yang hendak menjalankan perniagaan pengangkutan dan pemandu-pemandu kenderaan *e-Hailing* supaya berdaftar serta dilesenkan di bawah Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) atau Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP). Selain daripada itu, orang awam yang menjadi penumpang perkhidmatan kenderaan *e-Hailing* ini juga adalah dinasihatkan untuk memastikan aplikasi tersebut adalah berdaftar serta dilesenkan, supaya penumpang akan mendapat jaminan perlindungan insurans semasa menggunakan perkhidmatan tersebut.

KETUA PENGARAH
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA

14 SEPTEMBER 2022

[TAMAT]

LAMPIRAN





